PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah kekal stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dikekalkan pada 3.00% pada suku keempat tahun 2013. Pada paras OPR ini, keadaan monetari kekal memberikan sokongan kukuh kepada aktiviti ekonomi.

Kadar antara bank semalaman purata (average overnight interbank rate, AOIR) stabil pada suku keempat. Pada tempoh 1 Oktober hingga 31 Disember 2013, AOIR bergerak dalam julat 2.93% hingga 3.00%. Kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain juga secara relatif stabil.

Kadar bagi swap kadar faedah meningkat pada suku itu disebabkan oleh jangkaan yang timbul semula dan kemudiannya pengumuman oleh Federal Reserve AS untuk mengurangkan kadar pembelian aset, yang seterusnya menyebabkan peningkatan kadar hasil pasaran kewangan global. Dalam pasaran domestik, kadar niaga hadapan KLIBOR 3 bulan didagang lebih tinggi, mencerminkan bertambahnya jangkaan bagi kenaikan OPR menjelang separuh kedua tahun 2014.

Kadar deposit runcit stabil pada suku keempat. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Pada akhir bulan Disember 2013, kadar FD disebut purata bank perdagangan bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan masing-masing adalah antara 2.91% hingga 3.15%.

Kos peminjaman secara amnya stabil pada suku keempat. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.53%. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul terus sederhana secara beransur-ansur (akhir bulan Disember 2013: 5.36%; akhir bulan September

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Niaga Hadapan 3 Bulan KLIBOR



Sumber: Bursa Malaysia

Kadar Faedah

	2012	2013	
	S4	S3	S4
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.00	3.00	3.00
Kadar antara bank			
Semalaman	3.00	2.93	2.99
1 bulan	3.06	3.07	3.20
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.53	6.53	6.53
Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran			
Bank perdagangan	5.52	5.40	5.36
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
1 bulan	2.92	2.91	2.91
12 bulan	3.15	3.15	3.15

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

2013: 5.40%), mencerminkan matangnya pinjaman yang dibuat semasa kos peminjaman yang lebih tinggi sebelum pengurangan OPR pada tahun 2008 dan 2009, serta penambahan pinjaman baharu pada kadar yang secara relatif lebih rendah. Kos peminjaman sektor perniagaan dan isi rumah terus menyokong aktiviti ekonomi seperti yang dapat dilihat melalui kadar peningkatan pembiayaan kepada sektor isi rumah dan perniagaan.

M3 terus berkembang

Agregat monetari terus mencatat pertumbuhan positif pada suku keempat. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM17.9 bilion. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 13.0% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2013: 12.9%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM25.4 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 8.1% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2013: 7.4%).

Peningkatan M3 pada suku tersebut didorong oleh pemberian pinjaman kepada

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Outstanding Liquidity Placed with Bank Negara Malaysia (At end-period, RM billion)



Source: Bank Negara Malaysia

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2012		2013		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
M3	**15.1**	**111.2**	**16.4**	**25.4**	**109.5**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-5.0	-3.3	15.7	-5.0	21.4
Tuntutan terhadap sektor swasta	25.3	128.4	23.7	41.7	119.6
Pinjaman	*19.2*	*105.5*	*23.9*	*33.3*	*109.6*
Sekuriti	*6.0*	*22.9*	*-0.2*	*8.4*	*10.1*
Aset asing bersih[1]	-3.9	27.1	-8.8	2.2	-5.7
BNM	*6.0*	*11.8*	*-4.6*	*-4.2*	*-4.6*
Sistem Perbankan	*-9.9*	*15.3*	*-4.2*	*6.4*	*-1.1*
Pengaruh lain	-1.3	-41.0	-14.1	-13.6	-25.8

[1] Sebelum penilaian semula

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

sektor swasta oleh sistem perbankan yang lebih tinggi. M3 juga meningkat berikutan kenaikan sederhana dalam aset asing bersih sistem perbankan.

Dalam sistem perbankan, terdapat keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia secara relatif stabil pada suku itu.

Aktiviti pembiayaan sektor swasta makin kukuh pada suku keempat

Pada suku keempat, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM302.8 bilion (S3 2013: RM260.6 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan terkumpul dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 9.9% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2013: 8.8%).

Peminjaman bersih kepada perniagaan oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM11.2 bilion pada suku keempat (S3 2013: RM3.5 bilion) dengan pengeluaran pinjaman lebih tinggi terutamanya kepada sektor *borong dan runcit, restoran dan hotel; perkilangan; pembinaan;* dan *pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi*. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat sebanyak 8.5% pada suku itu (akhir bulan September 13: 7.1%). Permintaan terhadap pembiayaan baharu oleh perniagaan besar menjadi sederhana sedikit manakala permohonan pinjaman oleh PKS terus kukuh.

Pembiayaan bersih kepada sektor isi rumah meningkat sebanyak RM20.9 bilion pada suku keempat (S3 2013: RM19.8 bilion). Pada asas tahunan, pinjaman isi rumah

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2012		2013			2012		2013		
	S4	2012	S3	S4	2013	S4	2012	S3	S4	2013
Jumlah pembiayaan kasar	**262.2**	**1,068.3**	**260.6**	**302.8**	**1,059.2**	**9.0**	**19.9**	**-4.1**	**15.5**	**-0.8**
Pengeluaran pinjaman*	236.2	927.8	245.0	259.3	961.2	7.6	14.4	5.5	9.8	3.6
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	19.8	113.1	12.9	36.0	82.1	16.2	69.0	-59.4	81.9	-27.4
Ekuiti	6.1	27.4	2.8	7.4	16.0	59.6	117.1	-64.9	21.3	-41.5
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**31.1**	**164.8**	**31.7**	**49.1**	**146.8**	**12.4**	**12.4**	**8.8**	**9.9**	**9.9**
Sistem perbankan	26.0	128.4	26.5	40.3	122.7	12.0	12.0	9.3	10.3	10.3
Pinjaman terkumpul (A)	*19.8*	*104.5*	*27.2*	*34.4*	*117.8*	*10.4*	*10.4*	*9.5*	*10.6*	*10.6*
Pemegangan PDS	*6.2*	*23.9*	*-0.7*	*5.9*	*4.9*	*36.6*	*36.6*	*6.4*	*5.5*	*5.5*
PDS terkumpul (B)	11.4	60.4	4.5	14.7	29.0	18.8	18.8	6.9	7.6	7.6
Memorandum										
PDS kasar (termasuk Cagamas)	23.1	121.1	13.4	36.0	83.9	33.1	74.1	-58.9	55.9	-30.8

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2012		2013			2012		2013		
	S4	2012	S3	S4	2013	S4	2013	S3	S4	2013
Jumlah										
Permohonan pinjaman	172.1	771.6	214.2	209.9	820.1	-11.4	2.6	18.0	22.0	6.3
Kelulusan pinjaman	95.3	391.0	103.2	98.0	392.5	-8.5	-2.5	9.4	2.8	0.4
Pengeluaran pinjaman	236.2	927.8	245.0	259.3	961.2	7.6	14.4	5.5	9.8	3.6
Bayaran balik pinjaman	227.1	867.1	224.3	233.7	880.7	15.8	19.4	0.5	2.9	1.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	19.8	104.5	27.2	34.4	117.8	10.4	10.4	9.5	10.6	10.6
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan**										
Permohonan pinjaman	70.3	372.1	93.6	88.6	358.5	-26.5	4.0	15.0	26.1	-3.7
Kelulusan pinjaman	41.8	186.3	40.4	37.0	154.8	-20.4	-3.6	-2.5	-11.3	-16.9
Pengeluaran pinjaman	164.9	657.6	167.4	180.9	660.0	9.4	21.0	3.3	9.7	0.4
Bayaran balik pinjaman	164.3	624.8	157.8	167.6	619.2	18.6	26.2	-2.0	2.0	-0.9
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	5.0	41.2	3.5	11.2	35.5	10.9	10.9	7.1	8.5	8.5
SMEs**										
Permohonan pinjaman	36.1	172.3	52.4	51.0	196.0	-11.4	5.5	39.3	41.4	13.8
Kelulusan pinjaman	16.3	77.5	18.1	18.1	71.4	2.3	10.0	-1.5	10.8	-7.9
Pengeluaran pinjaman	56.7	217.2	57.5	58.8	230.3	17.2	20.8	4.0	3.7	6.0
Bayaran balik pinjaman	54.7	199.0	55.0	54.0	214.2	25.0	24.7	6.8	-1.2	7.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	2.5	23.8	2.4	6.9	22.6	15.5	15.5	10.5	12.8	12.8
Large corporations										
Permohonan pinjaman	34.2	199.8	41.2	37.6	162.4	-37.7	2.8	-5.9	10.0	-18.7
Kelulusan pinjaman	25.5	108.9	22.3	19.0	83.4	-30.3	-11.4	-3.2	-25.5	-23.3
Pengeluaran pinjaman	108.2	440.4	109.9	122.0	429.8	5.7	21.1	3.0	12.8	-2.4
Bayaran balik pinjaman	109.6	425.8	102.8	113.5	405.0	15.7	26.8	-6.2	3.6	-4.9
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	2.5	17.5	1.1	4.3	12.9	7.8	7.8	4.6	5.3	5.3
Households										
Permohonan pinjaman	101.8	399.5	120.6	121.3	461.6	3.2	1.3	20.4	19.1	15.5
Kelulusan pinjaman	53.5	204.7	62.8	60.9	237.7	3.5	-1.4	18.7	13.8	16.1
Pengeluaran pinjaman	71.4	270.2	77.6	78.4	301.1	3.6	0.9	10.6	9.9	11.4
Bayaran balik pinjaman	62.9	242.2	66.5	66.1	261.5	8.9	4.9	7.0	5.2	8.0
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	18.2	63.9	19.8	20.9	74.1	11.6	11.6	11.9	12.0	12.0

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
** Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman						Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh (RM bilion)					Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
						(%)	
	S4 12	2012	S3 13	S4 13	2013		
Perusahaan perniagaan	**164.9**	**657.6**	**167.4**	**180.9**	**660.0**	**68.7**	**43.7**
Syarikat besar	*108.2*	*440.4*	*109.9*	*122.0*	*429.8*	*44.7*	*27.4*
*PKS**	*56.7*	*217.2*	*57.5*	*58.8*	*230.3*	*24.0*	*16.3*
Sektor terpilih							
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	8.1	28.8	7.9	7.0	31.2	3.2	2.6
Perlombongan dan kuari	1.9	7.9	2.1	1.9	8.4	0.9	0.7
Perkilangan	51.0	203.7	49.1	54.1	200.5	20.9	7.9
Pembinaan	14.6	54.4	15.4	17.2	62.2	6.5	4.1
Harta tanah	9.5	40.8	11.7	10.8	41.6	4.3	5.8
Bekalan elektrik, gas dan air	3.1	9.0	2.1	2.0	9.5	1.0	0.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	46.1	178.0	45.2	51.5	185.4	19.3	7.4
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	3.7	17.7	4.3	5.8	17.1	1.8	2.4
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	18.3	85.0	22.8	23.6	78.3	8.1	7.2
Isi rumah	**71.4**	**270.2**	**77.6**	**78.4**	**301.1**	**31.3**	**56.3**
Pembelian harta kediaman	16.9	64.1	18.8	20.4	74.4	7.7	26.5
Kredit penggunaan	43.3	163.1	45.7	44.5	174.4	18.1	18.5
Antaranya:							
Kad kredit	*24.2*	*90.2*	*25.8*	*27.3*	*100.2*	*10.4*	*2.8*
Pembelian kereta penumpang	*10.6*	*40.2*	*11.2*	*9.5*	*41.8*	*4.3*	*11.0*
Lain-lain	11.1	43.0	13.1	13.5	52.3	5.4	11.3
Jumlah	**236.2**	**927.8**	**245.0**	**259.3**	**961.2**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

terkumpul meningkat pada kadar stabil sebanyak 12.0% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2013: 11.9%). Paras permohonan pinjaman isi rumah mampan pada suku tersebut.

Aktiviti pembiayaan dalam pasaran modal meningkat

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat kepada RM33.7 bilion pada suku keempat (S3 13: RM17.8 bilion). Sebahagian besar dana diperoleh sektor swasta, terutamanya menerusi terbitan sekuriti hutang swasta.

Pada suku itu, terbitan sekuriti hutang swasta baharu meningkat dengan ketara kepada RM36.0 bilion (S3 13: RM13.4 bilion). Dana yang diperoleh digunakan terutamanya untuk modal kerja dan perbelanjaan am korporat. Dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti juga meningkat kepada RM7.4 bilion (S3 13: RM2.8 bilion). Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM19.5 bilion (S3 13: RM6.4 bilion).

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2012		2013		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**17.6**	**46.7**	**11.4**	**14.3**	**43.9**
Sekuriti Kerajaan, *bersih*	15.7	48.7	8.7	14.3	41.9
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*11.6*	*52.5*	*13.9**	*11.4*	*51.4*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*8.0*	*42.2*	*10.0*	*9.0*	*41.0*
Tolak: Penebusan	*4.0*	*46.1*	*15.2*	*6.1*	50.6
Bon Simpanan, *bersih*	-	(6.5)	-	-	(2.4)
Sukuk Perumahan Kerajaan, *bersih*	1.9	4.5	2.7	-	4.4
Oleh Sektor Swasta	**20.1**	**90.7**	**6.4**	**19.5**	**38.3**
Saham	6.1	27.4	2.8	7.4	16.0
Sekuriti hutang, *bersih*	14.0	63.3	3.6	12.0	22.2
Sekuriti Hutang Swasta	*23.1*	*121.1*	*13.4*	*36.0*	*83.9*
Tolak: Penebusan	*9.1*	*57.8*	*9.7*	*24.0*	*61.6*
Jumlah	**37.7**	**137.4**	**17.8**	**33.7**	**82.1**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

*Diselaraskan untuk Pembelian Semula dan Penukaran sebanyak RM2.4 bilion pada suku tersebut

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas dan untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am

Sumber: Bank Negara Malaysia

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam sektor awam, dana kasar yang diperoleh adalah lebih rendah pada RM20.4 bilion (S3 13: RM26.6 bilion). Dana diperoleh melalui pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 3 tahun, 7 tahun, 10 tahun dan 15 tahun serta terbitan baharu Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue, GII) 5 tahun, 10 tahun dan 15 tahun.

Kadar hasil bon meningkat

Kadar hasil MGS meningkat pada suku keempat, kerana jangkaan dan kemudiannya pengumuman pengecilan skala program pembelian aset oleh Federal Reserve AS telah menyebabkan pengurangan pemegangan portfolio oleh bukan pemastautin. Pengurangan oleh bukan pemastautin tertumpu terutamanya kepada MGS bagi tempoh pemegangan 5 hingga 10 tahun. Oleh itu, kadar hasil MGS 5 tahun dan 10 tahun masing-masing mencatat kenaikan sebanyak 10 dan 39 mata asas,

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

manakala MGS 3 tahun mencatat penurunan sedikit iaitu 4 mata asas.

Dalam pasaran hutang swasta, kadar hasil bagi bon korporat AA dan A 5 tahun masing-masing meningkat sebanyak 7 dan 2 mata asas, manakala kadar hasil bagi bon korporat AAA 5 tahun menyusut sedikit iaitu 1 mata asas.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon menjadi sederhana

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder menurun kepada RM139 bilion pada suku keempat (S3 13: RM214 bilion), disebabkan oleh musim perayaan hujung tahun. Segmen MGS dan GII masing-masing mencatat nisbah mudah tunai yang lebih rendah sebanyak 0.29 dan 0.16, manakala nisbah mudah tunai dalam segmen PDS menurun sedikit kepada 0.06.

FBM KLCI mencatat prestasi positif

Pada suku keempat, FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI meningkat sebanyak 98.3 mata, dan mengakhiri tahun 2013 pada 1,867 mata (akhir bulan September 2013: 1,768.6 mata). Pada suku itu, indeks didorong terutamanya oleh permintaan yang berterusan daripada pelabur dalam negeri berikutan prospek pertumbuhan global yang lebih baik dan penyelesaian kepada penutupan perkhidmatan kerajaan AS. Sentimen positif dalam pasaran dalam negeri turut didorong oleh keyakinan berhubung dengan Bajet Malaysia 2014. Kesan perbincangan dan kemudiannya pengumuman pengecilan skala program pembelian aset di AS secara relatif adalah terhad, kerana prospek pertumbuhan yang semakin baik di AS dijangka memberikan kesan positif terhadap perniagaan di Malaysia. Secara keseluruhan, permodalan pasaran meningkat kepada RM1.70 trilion pada akhir bulan Disember 2013 (akhir bulan September 2013: RM1.61 trilion) manakala urus niaga harian menurun sedikit kepada 1.70 bilion unit (S3 13: 1.74 bilion unit) pada suku itu.

Pada 10 Februari 2014, KLCI ditutup lebih rendah pada 1,816.1 mata (sejak akhir bulan Disember 2013: -2.72%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.68 trilion (sejak akhir bulan Disember 2013: -1.17%).

Nisbah Mudah Tunai: Nilai Bon yang Diurusniagakan / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada 2013 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2012		2013		
	Pada akhir				
	Dis	Tahun	Sept	Dis	Tahun
Indeks harga					
Komposit	1,689.0	1,689.0	1,768.6	1,867.0	1,867.0
FBMEMAS[1]	11,438.1	11,438.1	12,289.7	12,853.6	12,853.6
Pasaran ACE[2]	4,214.2	4,214.2	5,537.2	5,675.8	5,675.8
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,465.7	1,465.7	1,611.2	1,702.2	1,702.2
Bilangan syarikat yang disenaraikan	921	921	910	911	911
	Pada tempoh				
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	1,053.6	1,361.3	1,739.8	1,704.7	1,567.3
Nilai (RM juta)	1,509.0	1,667.5	2,083.1	2,330.2	2,157.2

[1] FBMEMAS mewakili pasaran Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2012				2013					
	S4		Tahun		S3		S4		Tahun	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	65.3	93.6	333.5	408.3	109.4	131.2	107.4	146.8	386.9	527.8
Antaranya:										
Papan Utama	50.8	91.3	224.2	390.6	85.0	126.4	80.0	140.7	305.2	512.3
Antaranya										
Produk Pengguna	4.6	5.0	22.6	24.7	6.1	5.4	7.3	5.5	20.9	22.6
Produk Industri	10.6	8.5	44.6	44.3	13.6	10.3	9.6	9.7	51.5	40.4
Pembinaan	2.1	3.1	8.3	14.3	4.9	7.2	2.8	4.6	15.1	25.0
Dagangan/Khidmat	20.8	42.1	88.3	161.7	31.5	50.8	34.6	81.0	111.4	229.1
Kewangan	2.6	17.6	13.5	75.1	4.3	28.4	4.0	18.2	17.2	103.2
Harta Benda	3.7	3.6	19.5	18.7	8.6	9.4	8.8	6.7	34.0	35.6
Perladangan	1.1	4.7	5.9	25.4	1.4	4.4	1.7	5.6	5.5	19.6
Infrastruktur	1.1	3.9	5.4	13.6	1.7	4.9	1.9	5.0	6.5	19.1
Pasaran ACE[1]	10.0	1.8	76.1	12.6	21.2	4.4	24.4	5.5	69.7	13.5

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama

Pergerakan ringgit dan mata wang serantau lain pada suku keempat didorong terutamanya oleh perkembangan luaran. Ringgit dan kebanyakan mata wang serantau lain menyusut nilai berbanding dengan dolar AS berikutan jangkaan dan kemudiannya pengumuman tentang pengecilan skala program pelonggaran kuantitatif (quantitative easing, QE) oleh Federal Reserve AS menyebabkan aliran keluar dana daripada pasaran kewangan serantau.

Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 0.7% berbanding dengan dolar AS pada suku keempat. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan euro (-2.8%) dan paun sterling (-2.6%), tetapi menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (6.3%). Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau.

Antara 1 Januari hingga 10 Februari, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 1.5%. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-3.8%), paun sterling (-1.1%) dan euro (-0.2%) dan beberapa mata wang serantau.

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan (1 Oktober - 31 Disember 2013)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti dalam derivatif pertukaran asing agak lembap

Pada suku terakhir tahun 2013, peserta antara bank mengambil sikap berhati-hati ekoran jangkaan bahawa Federal Reserve mungkin akan mengurangkan kadar program pembelian aset mereka sebelum akhir tahun. Perkembangan ini, bersama-sama dengan mudah tunai yang sedikit sepanjang suku itu menyebabkan aktiviti derivatif pertukaran asing menurun sebanyak 12.9% berbanding dengan suku sebelumnya.

Kos peminjaman dolar AS menerusi pasaran swap mata wang bersilang mengecil pada suku keempat, dengan swap mata wang bersilang USD/MYR 5 tahun menurun daripada 90 mata asas pada bulan September kepada 70 mata asas pada bulan Disember apabila ketidaktentuan pasaran menjadi sederhana. Pengumuman oleh Federal Reserve untuk mengurangkan kadar program asetnya tidak memberikan kesan ketara terhadap pasaran, kerana keputusan tersebut telah diambil kira dalam jangkaan pasaran.

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S4 12	S3 13	S4 13	21 Jul 05	S4 12	S3 13
Dolar AS	3.8000	3.0583	3.2575	3.2815	15.8	-6.8	-0.7
Euro	4.6212	4.0412	4.3988	4.5263	2.1	-10.7	-2.8
Paun sterling	6.6270	4.9420	5.2666	5.4076	22.6	-8.6	-2.6
100 yen Jepun	3.3745	3.5576	3.3255	3.1281	7.9	13.7	6.3
Dolar Singapura	2.2570	2.5030	2.5912	2.5943	-13.0	-3.5	-0.1
100 baht Thailand	9.0681	9.9910	10.378	9.9757	-9.1	0.2	4.0
100 peso Filipina	6.8131	7.4446	7.4825	7.3908	-7.8	0.7	1.2
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0317	0.0279	0.0269	43.4	17.8	3.7
100 won Korea	0.3665	0.2865	0.3031	0.3108	17.9	-7.8	-2.5
Renminbi China	0.4591	0.4909	0.5324	0.5422	-15.3	-9.5	-1.8

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia